

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD [KUALA KANGSAR]**

**TARIKH : 30.3.2015**

**SOALAN :**

**Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian Pendidikan untuk memperkasakan dan memberi penekanan khusus kepada pelajar luar bandar supaya berjaya memperolehi tahap BAND tertentu untuk MUET, memandangkan BAND yang tertentu harus diperolehi oleh bakal pelajar IPTA iaitu Band 4 untuk Sains Teknologi; Band 3 untuk Sastera dan Sains Sosial dan juga Band 5 untuk pengajian Undang-undang dan Perubatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) telah dan akan mengambil tindakan yang berterusan bagi meningkatkan tahap pencapaian MUET dalam kalangan bakal pelajar IPTA termasuk pelajar luar bandar. Pelajar akan dibimbing secara berterusan bagi meningkatkan penguasaan dan kemahiran bahasa Inggeris melalui pelbagai strategi, di antaranya melalui:

1. kelas pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Inggeris yang diadakan sebanyak 8 waktu seminggu dalam jadual waktu persekolahan Tingkatan Enam dan Matrikulasi;
2. mata pelajaran Sains dan Matematik Tingkatan Enam dan Matrikulasi menggunakan perantaraan bahasa Inggeris di dalam PdP. Sumber rujukan mata pelajaran tersebut kebanyakannya adalah di dalam bahasa Inggeris;
3. kursus-kursus kemahiran bahasa Inggeris yang bersesuaian untuk mereka;
4. aktiviti ko-kurikulum di dalam bahasa Inggeris, seperti melaksanakan minggu/bulan bahasa Inggeris, *English Language Camp* serta beberapa program lain yang dilaksanakan oleh persatuan-persatuan pelajar dari semasa ke semasa; dan
5. meningkatkan kesedaran akan kepentingan menguasai bahasa Inggeris dalam bidang pendidikan melalui pelaksanaan program yang berterusan.